

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
(TASEK GELUGOR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.03.2015

Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan isu mensabotaj ekonomi Negara oleh pihak-pihak tertentu dari dalam negara dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini

bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai antara 1.1% sehingga 10.1% berbanding dolar AS bagi tempoh September 2014 hingga 5 Mac 2015. Pengukuhan dolar AS ini adalah disebabkan oleh prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

2. Dalam mengikuti pergerakan nilai mata wang ringgit, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa berwaspada terhadap aktiviti yang menimbulkan gangguan dalam pasaran pertukaran mata wang asing bagi memastikan ringgit tidak terdedah kepada serangan spekulasi. Sehubungan itu, BNM melakukan pemantauan harian terhadap pasaran mata wang bagi memastikan pergerakan pasaran mata wang adalah teratur. Bank-bank di Malaysia juga adalah dilarang daripada membenarkan seseorang individu mahupun syarikat korporat daripada mengambil kedudukan menjual singkat, dengan izin, *short selling* ringgit Malaysia kerana ini tidak dibenarkan berdasarkan Peraturan Pentadbiran

Pertukaran Asing.

3. Selain itu, BNM turut mempunyai peruntukan undang-undang yang berkaitan untuk menghalang aktiviti spekulasi terhadap ringgit di Malaysia dan di luar pesisir. Malah, berdasarkan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing, sebarang transaksi mata wang oleh penduduk tempatan atau transaksi yang melibatkan ringgit mestilah dilaksanakan melalui bank tempatan yang berlesen.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Dalam keadaan pergerakan nilai mata wang ringgit sedia ada, ekonomi negara tidak terganggu dengan aktiviti sabotaj kewangan atau ekonomi sebegini kerana ekonomi negara kekal berada pada landasan pertumbuhan yang mapan serta disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh seperti kadar pengangguran yang rendah, sistem kewangan yang teguh, kadar inflasi yang terkawal serta rizab antarabangsa yang tinggi. Tambahan pula, pihak penguat kuasa undang-undang dan pelbagai pengawal selia, dengan izin, *regulator* termasuk agensi Kerajaan dan BNM sentiasa berwaspada dan memantau tindakan golongan yang mensabotaj kewangan dan ekonomi negara.